

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

**MOTIVASI MENGHADIRI SENI PERSEMBAHAN ORKESTRA
SECARA LANGSUNG DI UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

Intan Nuratikah binti Dulkarim

51958

Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dan Kreatif Dengan Kepujian

(WA59 – Pengurusan Seni)

2018

**MOTIVASI MENGHADIRI SENI PERSEMBAHAN ORKESTRA SECARA
LANGSUNG DI UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

INTAN NURATIKAH BINTI DULKARIM

Kajian ini merupakan salah satu keperluan untuk Ijazah Sarjana Muda

Seni Gunaan Dan Kreatif Dengan Kepujian

(Program Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2018

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Gred : _____

Sila Tandakan (√)

Laporan Projek Tahun Akhir

Sarjana

Ijazah Doktor Falsafah

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN

Pengisytiharan ini dibuat pada tarikh⁰⁵..... hari bulan^{Jun}..... 2018.

Pengesahan Pelajar:

Saya **INTAN NURATIKAH BINTI DULKARIM (51958) FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF** dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang bertajuk **MOTIVASI MENGHADIRI SENI PERSEMBAHAN ORKESTRA SECARA LANGSUNG DI UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK** adalah kerja saya yang asli. Saya tidak disalin dari kerja mana-mana pelajar yang lain atau dari mana-mana sumber lain kecuali di mana rujukan sewajarnya atau pengakuan telah dinyatakan dengan jelas dalam teks, dan tidak mempunyai mana-mana bahagian telah ditulis untuk saya dengan orang lain.

5/6/2018

Tarikh Penghantaran

INTAN NURATIKAH B. DULKARIM
(51958)

Nama Pelajar (No. Matrik)

Pengesahan Penyelia:

Saya **ENCIK MOHD FAHMI BIN YAHAYA** dengan ini memperakui bahawa kerja yang bertajuk **MOTIVASI MENGHADIRI SENI PERSEMBAHAN ORKESTRA SECARA LANGSUNG DI UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK** telah disediakan oleh pelajar yang bernama di atas, dan telah diserahkan kepada "FAKULTI" sebagai * memenuhi sebahagian / penuh bagi penganugerahan **IJAZAH SARJANA MUDA SENI GUNAAN DAN KREATIF**, dan kerja yang dinyatakan di atas adalah sepanjang pengetahuan dan bimbingan saya, adalah kerja pelajar tersebut.

Diterima untuk diperiksa oleh: _____

(Encik Mohd Fahmi Bin Yahaya)



Tarikh: _____

5/6/2018

Saya mengaku Projek ini / Tesis diklasifikasikan sebagai (Sila tandakan (√)):


- SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972) *
- TERHAD** (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan) *
- AKSES TERBUKA**

Pengesahan Projek / Tesis


Oleh itu, saya disahkan dengan sewajarnya dengan kebenaran bebas dan kesediaan mengisytiharkan bahawa ini berkata Projek / Tesis hendaklah diletakkan secara rasmi di Pusat Khidmat Maklumat Akademik dengan kepentingan mematuhi dan hak-hak seperti berikut:

- Projek / Tesis ini adalah harta undang-undang tunggal Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- Pusat Khidmat Maklumat Akademik mempunyai hak yang sah untuk membuat salinan untuk tujuan akademik dan penyelidikan sahaja dan bukan untuk tujuan lain.
- Pusat Khidmat Maklumat Akademik mempunyai hak yang sah untuk mendigitalkan kandungan untuk untuk Pangkalan Data Kandungan Tempatan.
- Pusat Maklumat Perkhidmatan Akademik mempunyai hak yang sah untuk membuat salinan Projek / Tesis pertukaran antara institusi pengajian antara Institut Pengajian Tinggi.
- Tiada pertikaian atau apa-apa tuntutan akan muncul dari pelajar itu sendiri tiada pihak ketiga dalam Projek ini / Tesis apabila ia menjadi milik tunggal UNIMAS.
- Projek / Tesis ini atau apa-apa bahan, data dan maklumat yang berkaitan dengannya tidak boleh diedarkan, diterbitkan atau didedahkan kepada mana-mana pihak oleh pelajar melainkan dengan kebenaran UNIMAS.

Tandatangan Pelajar


(Tarikh)
5/6/2018

Tandatangan Penyelia :


(Tarikh)
5/6/2018

Alamat Semasa:

KAMPUNG PENGALAT BESAR,
89600 PAPAR,
SABAH.

Nota: * Jika Projek / Tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan bersama-sama sebagai lampiran surat daripada organisasi dengan sebab dan tempoh kerahsiaan dan sekatan.
[Instrumen ini telah disediakan dengan sewajarnya oleh Pusat untuk Maklumat Perkhidmatan Akademik]

PENGHARGAAN

Assalamualaikum W.B.T, Alhamdulillah terlebih dahulu pengkaji mengucapkan syukur serta penghargaan kepada hdrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya serta dengan izinNya, pengkaji berjaya menyiapkan penyelidikan ini dengan jayanya. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih dirakamkan kepada Encik Fahmi Bin Yahaya atas segala nasihat, dorongan, bantuan dan keprihatinan semasa pengkaji menjalankan kajian ini. Bimbingan, pandangan dan tunjuk-ajar yang dihulurkan oleh penyelia saya sedikit sebanyak membantu kepada kejayaan kajian pengkaji. Saya amat menghargai kesabaran penyelia yang sedia berkongsi maklumat dan kepakaran yang sedia ada dalam menjayakan kajian ini. Jasa beliau tidak akan pengkaji melupakan malahan akan menerapkan segala nilai murni dan tunjuk ajar yang diberi dalam kehidupan pengkaji di masa akan datang.

Pada kesempatan ini, pengkaji juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada keluarga yang telah banyak membantu dan memberi sokongan kepada pengkaji dari segi kewangan malahan nasihat serta iringan doa sepanjang tempoh pengkaji menjalankan penyelidikan ini. Saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada rakan-rakan yang telah membantu saya dalam memberi maklumat dan bertukar pendapat sepanjang menjalankan kajian ini. Saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada 250 orang selaku responden kajian dan kerjasama yang diberikan semasa kajian ini dijalankan.

Sebelum menutup bicara, pengkaji ingin mengucapkan sekalung penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada mana-mana pihak yang terlibat secara langsung

mahupun tidak langsung untuk membantu pengkaji dalam menjalankan penyelidikan ini dengan jayanya.

Sekian, Terima Kasih.

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar belakang kajian	2 – 3
1.2 Permasalahan Kajian	3 – 4
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Persoalan Kajian	5
1.5 Kepentingan Kajian	6 -7
1.6 Skop Kajian	7
1.7 Kesimpulan	8
2.0 Kajian Kesusteraan & Modal Penyelidikan	
2.1 Pengenalan	9
2.2 Teori Motivasi	10
Sikap atau Tingkahlaku	10-11
2.2.1 keperluan mencapai matlamat dalam memotivasi tingkahlaku manusia	11-12
2.2.2 Matlamat Untuk Memenuhi Keperluan Biologi	12 – 13
2.2.3 Matlamat memenuhi keperluan psikososial	14 – 16
2.2.4 Analisis kognitif, afektif dan tingkah laku mengenai sikap	16 – 18
Cara Hidup	18 – 20
Tahap Pendidikan	20
2.3 Rangka Kerja Penyelidikan	21
2.4 HIpotesis Kajian	22

3.0 Metodologi Kajian	
3.1 Pengenalan	23
3.2 Kaedah Persampelan	24
3.3 Pengumpulan Data	24 - 25
3.3.1 Data Primer	25 -26
3.3.2 Data Sekunder	26
3.4 Instrumen Penyelidikan	26 – 27
3.4.1 Borang Kaji selidik	27 – 29
3.5 Populasi	29
3.6 Lokasi Kajian	29 – 30
3.7 Kesimpulan	31
4.0 Dapatan kajian	
4.1 Pengenalan	32
4.2 Analisis Deskriptif	33 – 36
4.3 Analisis Faktor	36 – 43
4.4 Analisis Kolerasi	44 – 45
4.5 Kesimpulan	46
5.0 Cadangan, Kerangka Kajian, Perbincangan, Ringkasan	
Keseluruhan Bab, Limitasi, & Kesimpulan	
5.1 Pengenalan	47 – 48
5.2 Kerangka Konseptual Kajian	48
5.3 Perbincangan	49

5.3.1	Analisis Kebolehpercayaan faktor motivasi dengan <i>Cronbach Alpha</i> berdasarkan Pembolehubah tidak bersandar	49 – 51
5.4	Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	
5.4.1	Cadangan kepada Penganjur	51 – 54
5.4.2	Cadangan kepada pengkaji akan datang	54
5.5	Limitasi Kajian	54 – 55
5.6	Kesimpulan Akhir	56 – 57
	Rujukan	58 – 61
	Lampiran A	62 – 67
	Lampiran B	68 – 79

ABSTRACT

This research was carried out among UNIMAS staffs and students. The objectives of the research are to analysis the relationship between the attitude, lifestyles and education of UNIMAS staffs and students that drives them to attend live orchestra performance. The researcher is using quantitative method to collect data and 250 respondents were randomly selected to be the respondent of the research.

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan terhadap pelajar dan kakitangan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Objektif kajian ialah untuk menganalisis hubungkait kesan sikap, cara hidup dan pendidikan pelajar mahu pun kakitangan UNIMAS, dalam mendorong mereka menghadiri persembahan orchestra secara langsung. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kuantitatif dan seramai 250 responden dipilih secara rawak untuk kajian ini.

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
1.0 Pengenalan	
1.1 Latar belakang kajian	
1.2 Permasalahan Kajian	
1.3 Objektif Kajian	
1.4 Persoalan Kajian	
1.5 Kepentingan Kajian	
1.6 Skop Kajian	
1.7 Kesimpulan	
2.0 Kajian Kesusteraan & Modal Penyelidikan	
2.1 Pengenalan	
2.2 Teori Motivasi	
Sikap atau Tingkahlaku	
2.2.1 keperluan mencapai matlamat dalam memotivasi tingkahlaku manusia	
2.2.2 Matlamat memenuhi keperluan psikososial	
2.2.3 Analisis kognitif, afektif dan tingkah laku mengenai sikap	
Cara Hidup	
Tahap Pendidikan	
2.3 Rangka Kerja Penyelidikan	
2.4 Hipotesis Kajian	
3.0 Metodologi Kajian	
3.1 Pengenalan	

3.2 Kaedah Persampelan	
3.3 Pengumpulan Data	
3.3.1 Data Primer	
3.3.2 Data Sekunder	
3.4 Instrumen Penyelidikan	
3.4.1 Borang Kaji selidik	
3.5 Populasi	
3.6 Lokasi Kajian	
3.7 Kesimpulan	
4.0 Dapatan kajian	
4.1 Pengenalan	
4.2 Analisis Deskriptif	
4.3 Analisis Faktor	
4.4 Analisis Kolerasi	
4.5 Kesimpulan	
5.0 Cadangan, Kerangka Kajian, Perbincangan, Ringkasan Keseluruhan Bab, Limitasi, & Kesimpulan	
5.1 Pengenalan	
5.2 Kerangka Konseptual Kajian	
5.3 Perbincangan	
5.3.1 Analisis Kebolehpercayaan faktor motivasi dengan <i>Cronbach Alpha</i> berdasarkan Pembolehubah tidak bersandar	
5.4 Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	
5.4.1 Cadangan kepada Penganjur	

5.4.2 Cadangan kepada pengkaji akan datang	
5.5 Limitasi Kajian	
5.6 Kesimpulan Akhir	
Rujukan	
Lampiran A	
Lampiran B	

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan terhadap pelajar dan kakitangan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Objektif kajian ialah untuk menganalisis hubungkait kesan sikap, cara hidup dan pendidikan pelajar mahu pun kakitangan UNIMAS, dalam mendorong mereka menghadiri persembahan orchestra secara langsung. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kuantitatif dan seramai 250 responden dipilih secara rawak untuk kajian ini.

ABSTRACT

This research was carried out among UNIMAS staffs and students. The objectives of the research are to analysis the relationship between the attitude, lifestyles and education of UNIMAS staffs and students that drives them to attend live orchestra performance. The researcher is using quantitative method to collect data and 250 respondents were randomly selected to be the respondent of the research.

BAB 1

Pengenalan

1.0 Pengenalan

Bab ini akan menerangkan secara keseluruhan tentang kajian yang akan dilaksanakan dan diurai dalam subtopik kecil iaitu perbincangan mengenai latar belakang, permasalahan kajian, objektif dan persoalan kajian, serta kepentingan dan juga skop kajian. Latar belakang kajian merangkumi segala aspek yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam kajian yang dijalankan. Permasalahan kajian menerangkan tentang faktor-faktor yang mendorong kajian ini dilaksanakan hasil daripada masalah yang timbul berdasarkan kajian lepas. Selain itu, objektif dan persoalan kajian juga turut dibincangkan dimana menyingkap mengenai persoalan yang ingin dicapai dan diketahui melalui kajian ini. Seterusnya, di dalam bab ini juga akan menerangkan tentang kepentingan kajian iaitu mengenai sasaran hasil kajian yang diharapkan dapat memenuhi tuntutan kumpulan tertentu juga dibincangkan disamping skop kajian yang menerangkan mengenai apakah yang dinilai dan ingin dicapai berdasarkan kajian yang dijalankan. Akhir sekali, bab ini juga akan membincangkan secara terperinci tentang pembolehubah yang terlibat untuk diseleraskan dalam penghasilan jawapan kepada objektif yang ingin dicapai dan persoalan yang akan dijawab.

1.1 Latar Belakang Kajian

Orkestra pada zaman *Yunani* dan *Romawi Kuno* dikenali sebagai satu panggung atau pentas terbuka yang digunakan pada zaman *Renaissance* untuk menunjukkan tempat yang di digunakan oleh pemuzik untuk mengiringi penyanyi dan penari. Di *Europe*, pelbagai gelaran yang diberikan oleh pemain muzik orkestra untuk menunjukkan kumpulan besar ini, manakala di Itali, pemain muzik ini digelar sebagai *capello*, *coro*, *concerto grosso*, *simfonia* atau *gli stomenti*. Hal ini juga, dapat dilihat di *Rom* pada permulaan sehingga penghujung tahun 1679, dimana gelaran yang diberi sama seperti di Itali, manakala di *Perancis*, gelaran pemain muzik ini diberi dengan istilah *les*, dan *les concertantes*.

Pada abad ke 18 sehingga abad ini menunjukkan beberapa ciri-ciri yang saling berkaitan diantara satu sama lain, iaitu orkestra mempunyai hubungkait dengan alat muzik gesek yang terdiri daripada kategori *biola*, *double bass*, kumpulan alat muzik gesek ini disusun didalam bahagian, dimana pemain muzik selalu bermain *not* yang sama dalam satu suara, atau alat muzik tiup kayu, atau tiup logam dan perkusi dengan jumlah yang berbeza sesuai dengan tempoh dan lagu yang dipaparkan. Menurut John Spitzer, orkestra juga bergantung dengan kesesuaian masa, tempat dan senarai lagu yang dimainkan, ia juga memperlihatkan *standard instrument* yang luas, biasanya orkestra ini dimainkan secara berkumpulan, (Stanley Sadia.Ed.2001:530). Selain itu, orkestra juga memerlukan pemain muzik yang ramai hal ini kerana *not* orkestra memerlukan kecekapan yang tinggi dalam memainkan mengikut alunan *not* dan nada yang telah ditetapkan. Orkestra juga diselenggarakan secara langsung oleh seorang ketua atau konduktor untuk memberi isyarat kepada pemain yang lain untuk memainkan muzik.

Menurut Stanley, orkestra dikategorikan kepada beberapa jenis, antaranya ialah orkestra teater, orkestra simfoni, orkestra kafe, orkestra gesekan, orkestra radio, orkestra studio dan sebagainya. Instrumen muzik yang dimainkan oleh pemuzik di orkestra moden terdiri daripada dua bahagian atau kelas jenis instrumen yang digunakan, iaitu bahagian geseran, kayu dan logam tiup. Dalam industri muzik orkestra ini, terdapat dua komposer yang terkenal dalam menulis lirik dan *not* lagu dalam format orkestra yang sesuai untuk dimainkan menggunakan alat muzik orkestra, iaitu Richard Wagner dan Berlioz. Orkestra sangat terkenal sehingga tahun 1999, namun mengalami evolusi dan menjadi kurang aktif disebabkan faktor artis dan juga keadaan ekonomi semasa.

1.2 Permasalahan Kajian

Kurangnya pendedahan kepada muzik klasik menyebabkan generasi pada hari ini kurang meminati seni persembahan muzik orkestra. Pendidikan muzik sangat penting dalam mengekalkan jumlah penonton di masa akan datang. Dengan pengetahuan dan sejarah muzik yang ada mampu mendorong penonton tersebut cenderung untuk menghadiri persembahan secara langsung dan tahap penglibatan mereka secara tidak langsung akan meningkatkan kehadiran penonton untuk menyaksikan persembahan tersebut. Tambahan itu, pendidikan adalah kunci untuk membuat sesuatu seni itu mempunyai nilai estetika yang tinggi dan penting untuk seseorang individu tersebut. Sebagai contoh, pada hari ini generasi kita kurang meminati pendidikan muzik dan ia akan menjadi satu kesukaran bagi satu organisasi orkestra untuk menarik minat dan mengekalkan penonton baru, (Kotler dan Scheff, 1997).

Seterusnya, menurut Kolter dan Scheff, 1997, penonton pada hari ini lebih selesa menggunakan media digital sebagai ruang untuk bersosial dengan adanya teknologi media yang banyak memperkenalkan pelbagai aplikasi baru dan paling mudah serta murah untuk dilanggan oleh penonton sehingga ia merupakan satu medan rangkaian pilihan penonton. Sebagai contoh, *Youtube* telah semakin popular dan menjadi salah satu laman sesawang yang digemari oleh masyarakat. Oleh itu, individu tersebut boleh menonton persembahan orkestra tanpa perlu datang, beratur dan menyaksikan ke tempat tersebut malahan pengguna yang menyaksikan persembahan ini boleh berdialog di laman sesawang tersebut. Secara tidak langsung, ini mampu memenuhi keperluan sosial setiap individu dan menyebabkan masyarakat pada hari ini semakin bergantung pada peranti mudah ahli tersebut kerana mudah untuk diakses.

Menurut Boudier-Pailler, 2008, menunjukkan pengaruh masa peribadi dan sosial juga mempengaruhi masa hiburan seseorang individu. Penghalang kehadiran individu tersebut disebabkan komitmen kerja, kurang kepekaan nilai estetika terhadap kebudayaan dan kesenian yang tidak dapat dipindahkan dalam konteks sosial kehidupan mereka. Hal ini kerana, persembahan secara langsung tidak dianggap sebagai acara sosial mahu pun masa hiburan peribadi seseorang. Malahan, masa adalah faktor yang penting untuk seseorang individu tersebut untuk menghadiri persembahan ini, ekoran waktu yang singkat dan komitmen dengan kerja dan keluarga menyebabkan pembelian tiket, jadual konsert yang terhad kepada hari dan masa menjadikan ia satu cabaran seseorang individu tersebut untuk menghadiri.

1.3 Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini adalah bagi menganalisis kesan yang mendorong penonton terhadap kehadiran mereka ke persembahan muzik orkestra secara langsung di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

- I. Menganalisis kesan sikap penonton terhadap kehadiran mereka ke persembahan muzik orkestra secara langsung di UNIMAS.
- II. Menganalisis kesan cara hidup penonton terhadap kehadiran mereka ke persembahan muzik orkestra secara langsung di UNIMAS.
- III. Menganalisis kesan tahap pendidikan penonton terhadap kehadiran mereka ke persembahan muzik orkestra secara langsung di UNIMAS.

1.4 Persoalan Kajian

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti beberapa persoalan mengenai kajian yang akan menjawab tajuk yang dikaji. Berikut adalah tiga persoalan kajian yang dilakukan dalam kajian ini.

- I. Apakah faktor yang mempengaruhi sikap penonton terhadap kehadiran mereka untuk menyaksikan persembahan seni muzik orkestra secara langsung di UNIMAS?
- II. Apakah faktor yang mempengaruhi cara hidup penonton dalam menghadiri persembahan seni muzik orkestra secara langsung di UNIMAS?
- III. Apakah faktor yang mempengaruhi tahap pendidikan penonton untuk menyaksikan persembahan seni muzik orkestra secara langsung di UNIMAS?

1.5 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan yang penting kepada organisasi seni khususnya seni muzik persembahan orchestra untuk meningkatkan kualiti dan mengkekalkan penonton mereka.

Selain itu, kajian ini adalah untuk menyedarkan umum mengenai kepentingannya persembahan secara langsung khususnya persembahan seni muzik orkestra yang menjadi satu hiburan sosial yang sihat. Kajian ini juga akan menghubungkan kaitkan sikap penonton dalam membuat pemilihan untuk menyaksikan persembahan seni muzik orchestra secara langsung atau sebaliknya. Hasil kajian ini akan memberi kebaikan kepada organisasi seni khususnya yang menganjurkan persembahan seni muzik orkestra secara langsung untuk mengenali sikap penonton bagi mengkekalkan hubungan baik dan mendapat penonton baru.

Tambahan itu, kajian ini dibuat bagi meningkatkan kehadiran penonton untuk menyaksikan persembahan seni muzik orkestra secara langsung. Oleh itu, pengkaji akan mengkaji kepentingan cara hidup penonton dalam memilih untuk menghadiri sama ada faktor peribadi mahu pun sosial. Oleh hal demikian, dengan mengkaji faktor cara hidup, dapat membantu organisasi seni tersebut untuk mencari langkah yang mampu menarik minat penonton untuk menyaksikan persembahan tersebut berdasarkan masa, tempat dan hari yang sesuai untuk penonton membuat keputusan.

Akhir sekali, kajian ini adalah untuk memajukan industri seni kreatif khususnya seni persembahan orchestra secara langsung dengan mengaitkan tahap pendidikan penonton. Pengkaji akan menganalisis keberkesanan tahap pendidikan seseorang individu tersebut dalam menilai tahap estetika seni mereka untuk menyaksikan persembahan

tersebut. Secara tidak langsung, organisasi tersebut dapat mencari jalan untuk memperkenalkan pendidikan seni muzik khususnya orkestra kepada umum dengan lebih produktif dan inovatif untuk memajukan seni persembahan tersebut.

1.6 Skop Kajian

Skop kajian ini akan memfokuskan sepenuhnya mengenai tahap yang memotivasikan penonton untuk menghadiri persembahan seni muzik orkestra secara langsung di Univeristi Malaysia Sarawak, dengan menghubungkan kaitkan sikap, cara hidup dan tahap pendidikan individu tersebut. Kajian kuantitatif ialah kaedah pembahagian borang soal selidik kepada responden untuk mengetahui tahap keberkesanan motivasi tersebut sehingga mempengaruhi mereka.

Kajian ini terbatas di Universiti Malaysia Sarawak, Kota Samarahan Sarawak merupakan sebuah pusat pengajian awam di Sarawak. Terletak diantara Asajaya dan Siburan, Kota Samarahan ini merupakan sebuah tempat terletaknya insitusi pendidikan awam seperti Univeristi Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Teknologi Mara (UITM) dan juga Institusi Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak (IPG), dan mengambil masa dalam 29 minit dengan jarak 21 km, dari Bandaraya Kuching ke Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

1.7 Kesimpulan

Kesimpulanya, bab ini menceritakan tentang tujuan utama kajian ini dijalankan. Seterusnya harapan pengkaji untuk meningkatkan kualiti dan kepentingan seni muzik orchestra tempatan kepada umum dan generasi akan datang. Pengkaji juga menjelaskan permasalahan kajian yang dihadapi oleh organisasi seni dan juga pengkaji dalam mengaji kajian ini. Di samping itu, pengkaji juga menyelitkan mengenai objektif dan skop kajian yang ingin dijalankan, sekaligus permasalahan, kepentingan kajian. Kesemua aspek ini perlu diketahui untuk membantu pengkaji dalam menjalankan kajian ini.